



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

SABTU
5 OKTOBER 2024



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akhbar	Harian Metro
Tarikh	5 Oktober 2024
Ruang	Bisnes
Muka Surat	22

Harian

Metro

Bisnes

Oleh Mohd Zaky
Zainuddin
zaky@bh.com.my

Kuala Lumpur

Perniagaan di Malaysia perlu mewujudkan pekerjaan dengan gaji tinggi bagi mengelakkan fenomena 'pemampatan gaji' terus berlaku.

Menyatakan itu, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, reka bentuk dasar gaji minimum sepertinya memberi kesan kepada jalur gaji untuk pekerja berkemahiran tinggi, tetapi ia sebaliknya berlaku di negara ini.

"Fenomena pemampatan gaji berlaku kerana kebanyakannya syarikat dan perniagaan di Malaysia adalah industri mikro dan kecil. Apabila perlu membayar gaji minimum RM1,500, mereka sebenarnya tidak memiliki sumber cukup untuk meningkatkan gaji kepada tahap lebih tinggi."

"Jadi, apa yang dilakukan adalah mereka mematuhi undang-undang untuk membayar pekerja tahap permulaan dengan kemahiran paling rendah, tetapi mengurang atau membezuk gaji bagi pekerja berkemahiran yang berpengalaman."

"Justeru, cara terbaik adalah, kita perlu mewuj-



REKA bentuk dasar gaji minimum sepertinya memberi kesan kepada jalur gaji untuk pekerja berkemahiran tinggi.

TAWAR KERJA BERGAJI TINGGI

Elak fenomena 'pemampatan gaji' terus berlaku

judikan pekerjaan bergaji tinggi," katanya berucap merasmikan Malaysia Semiconductor Recruitment Day 2024 di sini, semalam.

Hadir sama, Exco Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti Selangor, Ng Sze Han.

Pemampatan gaji atau *wage compression* merujuk kepada situasi apabila perbezaan gaji antara pekerja menjadi semakin kecil.

Ia berlaku apabila gaji pekerja yang berkemahiran rendah kemasukan dinaikkan (seperti kenaikan gaji

minimum), tetapi gaji pekerja yang lebih berkemahiran atau berpengalaman tidak meningkat pada kadar yang sama atau tidak dinaikkan langsung.

Dalam konteks Malaysia, pemampatan gaji mungkin terjadi apabila syarikat ke-

cil dan sederhana terpaksa menaikkan gaji pekerja peringkat rendah untuk mematuhi peraturan gaji minimum, tetapi mereka tidak mampu menaikkan gaji pekerja yang lebih berpengalaman atau berkemahiran tinggi pada kadar

yang sama.

Sementara itu, Rafizi berkata, Malaysia memerlukan lebih ramai jurutera berikutnya kredibiliti negara ini yang memainkan peranan besar dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E).

"Walaupun sukar memasuki sektor ini, permintaan untuk jurutera dalam bidang E&E termasuk semikonduktor terus berkembang. Anggaran awal menunjukkan kita memerlukan sekira 60,000 jurutegra.

"Itulah sebabnya jabatan kerajaan, agensi, sektor swasta dan universiti bekerjasama untuk memastikan kita dapat memenuhi keperluan ini," katanya.

Beliau menjelaskan, semikonduktor menyumbang sekitar lapan peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dengan nilai sekitar RM143 bilion setahun.

"Kita sering mendengar tentang minat terhadap Malaysia apabila ia membentuk cip semikonduktor dan kecerdasan buatan (AI). Walaupun ini adalah berita baik untuk dua hingga tiga tahun kebelakangan ini, kedudukan ini tidak dijamin."

"Industri ini sangat kompetitif dan dinamik, dengan peningkatan strategi seperti *de-risking* dan *China plus one* yang mengubah landskap secara ketara. Kita faham bahawa kita perlu bergerak jauh daripada bergantung sepenuhnya kepada syarikat multinasional atau menjadi destinasi pembuatan," katanya.



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akhbar	Sinar Harian
Tarikh	5 Oktober 2024
Ruang	Negeri
Muka Surat	27



PERKESO serah faedah pengurusan jenazah kepada waris Ustaz Safri

KLANG - Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menyerahkan baucar Faedah Pengurusan Mayat bernilai RM3,000 kepada waris Ketua Penyelidik, Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUIF), Ustaz Safri Muhammad Zein.

Allahyarham Ustaz Safri meninggal dunia pada 23 September lalu akibat penyakit kencing manis.

Pengarah PERKESO Selangor, Ismail Abi Hashim berkata, berdasarkan hasil semakan pihaknya mendapati waris layak menerima sumbangan berkenaan termasuk Faedah Pencen Penakat secara berkala.

"Serahan baucar ini merupakan tanda sokongan kami kepada keluarga, setidak-tidaknya keluarga tahu masih ada bantuan yang diberikan kerajaan melalui PERKESO.

"Selepas mengetahui berita mengenai pemergian arwah di media sosial, pihak kami menerusi Skuad Prihatin terus melakukan semakan mengikut kelayakan penerima," katanya ketika ditemui *Sinar*

Harian pada Jumaat.

Mengulas lanjut, beliau berkata, masyarakat perlu menyedari kepentingan dan keperluan untuk melakukan caruman PERKESO, tidak kira sama ada bekerja sendiri atau bersama majikan.

Ujarnya, bagi individu yang bekerja sendiri boleh melakukan caruman menerusi Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS).

"Terdasuk suri rumah, kami galakkan 100 peratus wanita di Malaysia untuk mencarum di bawah Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) sebagai perlindungan tambahan.

"Pada masa sama, jika berlaku sebarang kematian atau ditimpah musibah, waris atau keluarga terdekat perlu lakukan semakan segera di PERKESO bagi melihat kelayakan untuk menerima bantuan.

"Tindakan itu membolehkan sumbangan dapat disegerakan dan meringankan beban keluarga dalam urusan berkaitan rumah tangga. Kalau kematian kita akan



Ismail (empat dari kiri) menyerahkan baucar Faedah Pengurusan Mayat kepada Rusamiah (empat dari kanan) sambil diperhatikan oleh Pengurus Kanan Tugas-Tugas Khas Karangkraf, Hashim Anang (tiga dari kiri) pada Jumaat.

segerakan bantuan pengurusan jenazah," jelas beliau.

Sementara itu, isteri Allahyarham, Rusamiah Ismail, 51, menzahirkan ucapan-

terima kasih kepada semua pihak terlibat seperti PERKESO dan Kumpulan Karangkraf atas tindakan serta sumbangan yang diberikan kepada keluarganya.